

28/10/2000

Bonus: Cuepacs atur pertemuan dengan Daim minggu depan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Cuepacs akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin minggu depan untuk membincangkan pemberian bonus bagi kakitangan awam.

Presidennya, N Siva Subramaniam berkata, selain mengadakan perbincangan dengan Daim, Cuepacs akan merayu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perkara itu.

"Kita tidak hampa apabila kerajaan tidak mengumumkan pemberian bonus satu bulan untuk kakitangan awam dalam Belanjawan 2001 yang dibentangkan di Parlimen.

"Mungkin ia ada baiknya kerana sebelum ini peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barang apabila bonus yang diumumkan dibayar secara beransur-ansur.

"Bagaimanapun, Cuepacs akan merayu Perdana Menteri dan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kewangan untuk membincangkan perkara itu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Kakitangan awam yang diberi bonus satu bulan selain kenaikan gaji 10 peratus dalam Belanjawan 2000, tidak mendapat sebarang bonus tahun ini.

Bagaimanapun, bagi kakitangan awam peringkat paling rendah yang sudah berkhidmat lebih daripada 25 tahun, pencen mereka dinaikkan kepada RM280 sebulan daripada RM180.

(END)